

PENDUDUK mengalihkan pokok tumbang yang menghalang laluan.



KEADAAan ribut dan banjir kilat di Persiaran Hamzah Alang, Meru.



SEKITAR BANJIR KILAT DAN RIBUT

Hujan petang bawa bencana

■ Klang dilanda banjir, jalan sesak teruk

Oleh Ahmad Isyafiq Mad Desam@mediaprima.com.my
Shah Alam

Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor menerima lebih 20 panggilan membabitkan banjir kilat dan pokok tumbang terutama di kawasan Meru dan Kapar, Klang, dekat sini, semalam.

Timbalan Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor Mohd Sani Harul berkata, berikutan kejadian itu, pihaknya meng-

hantar 21 anggota dan jentera ke lokasi kejadian bagi menjalankan kerja pembersihan pokok yang tumbang.

"Kami difahamkan beberapa lokasi mengalami banjir kilat yang teruk, namun kini sudah beransur pulih.

"Anggota kami bertungkus-lumus memotong setiap pokok yang tumbang dan tiada sebarang laporan kecederaan diterima pihak bomba ekoran kejadian itu.

"Beberapa pokok yang tumbang juga menghalang

lalu lintas di samping ada yang menyebabkan bekalan elektrik di beberapa kawasan terputus di sekitar Meru," katanya.

Mohd Sani berkata, pihaknya mengambil tempoh kira-kira dua jam untuk membersihkan lokasi pokok tumbang dan paman-tauan berterusan dilakukan di kawasan itu sebagai langkah berjaga-jaga.

Jurucakap Majlis Perbandaran Klang berkata, pihaknya sudah menghantar unit khas ke beberapa lokasi yang berpotensi dinaiki air sebagai langkah berjaga-jaga kerana bimbang hujan lebat akan berterusan



KESESAKAN lalu lintas di Lebuhraya Persekutuan ekoran banjir kilat dan ribut di sekitar Klang.

hingga lewat malam.

"Kami bersedia sekiranya banjir kembali berlaku di daerah ini, namun setakat ini, keadaan di beberapa kawasan dilaporkan masih terkawal," katanya.

Berdasarkan beberapa gambar dan kenyataan di laman sosial Facebook, beberapa lokasi di bandar raya ini turut dinaiki air antaranya Seksyen 8, Seksyen 13 dan Batu Tiga sehingga menyebabkan beberapa jalan utama sesak.

Rumah ranap ditiup angin

Klang: "Angin kencang akan puting beliung bertubi-tubi menyebabkan sebahagian atap bahagian depan kedai saya ranap dihempap pokok," kata peniaga restoran Saifulkhudir Amin Rilal, 35, mengenai kejadian ribut yang berlaku di sekitar Meru kira-kira jam 2.30 petang, semalam.

Menurutnya, kejadian ribut itu adalah yang ter-

buruk pernah berlaku di kawasan berkenaan sejak dia berniaga di situ kira-kira 10 tahun lalu.

"Walaupun menanggung kerugian akibat kerosakan restoran yang mencecah RM1,000, saya bersyukur kerana tiada kecederaan berlaku kerana ketika kejadian, tiada pelanggan minun di kawasan berkenaan," katanya.